

# Bosnia: Malaysia terus cari keadilan

UM 20 JAN 1994

1

**K**UALA LUMPUR 19 Jan. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia tidak akan patah semangat ataupun menyerah kalah dalam mencari keadilan bagi Bosnia-Herzegovina.

Sehubungan itu, beliau menegaskan, Malaysia akan terus meyakinkan negara-negara sahabat menerusi Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM), Persidangan Negara Islam (OIC), Komonwel, Dialog Selatan-Selatan dan mana-mana forum yang serasi dengan dasar negara terhadap masalah itu.

Katanya, keprihatinan Malaysia adalah berlandaskan dua faktor, iaitu prinsip-prinsip asas yang telah diwujudkan untuk menjamin keamanan seluruh negara merdeka dan prinsip-prinsip asas untuk menjamin kesejahteraan hidup seluruh umat manusia.

"Secara lebih khusus, Malaysia tidak boleh bersikap tidak bertanggungjawab terhadap Bosnia-Herzegovina kerana adalah menjadi tugas semua pihak memastikan dunia ini tetap aman damai," katanya.

Perdana Menteri menegaskan demikian dalam kata-kata aluarnya untuk buku *Bosnia: Suara Keprihatinan Malaysia* yang mengandungi tiga ucapan beliau mengenai permasalahan negara itu, kumpulan ucapan para ahli

Parlimen serta artikel-artikel akhbar *Utusan* dan *Berita Harian*.

Esok, Perdana Menteri akan melancarkan buku itu bersama sebuah lagi karya seorang aktivis sosial masyarakat, Dr. Alijah Gordon yang bertajuk *Bosnia: Testament To War Crimes As Told By Survivors*.

Menurut Dr. Mahathir, Malaysia mempersoalkan pendirian PBB serta kuasa-kuasa besar yang mengamalkan sikap tamam dua muka serta bersandiwara dalam menyelesaikan ketidakadilan di Bosnia-Herzegovina kerana adalah menjadi tanggungjawab bersama untuk menjaga keamanan dunia.

"Malaysia akan terus mempersoalkan tindakan Majlis Keselamatan PBB yang nampaknya hanya berusaha melepas batuk di tangga sahaja di dalam menyelesaikan isu tersebut," tegas Perdana Menteri.

Malah, katanya, Malaysia akan terus berusaha mencari sokongan dunia supaya Majlis Keselamatan PBB distruktur semula demi keadilan dan kesaksamaan sejagat.

Perdana Menteri menambahkan, Malaysia juga akan sentiasa berusaha mencari sokongan agar Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat 1948 diberi perspektif keadilan dan kesaksamaan yang selaras dengan susunan baru dunia mutakhir.

Dr. Mahathir seterusnya melahirkan penghargaan terhadap inisiatif Parlimen Malaysia di bawah kepimpinan Tan Sri Mohd. Zahir kerana telah mengumpulkan kumpulan ucapan beliau, ucapan para ahli Parlimen serta artikel dalam akhbar untuk dimuatkan di dalam buku tersebut.

Sementara itu, Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Mohd. Zahir Ismail dalam sidang akhbar mengenai pelancaran buku tersebut memberitahu, buku *Bosnia: Suara Keprihatinan Rakyat Malaysia* yang juga terdapat dalam versi bahasa Inggeris, dicetak dengan

kertas berkualiti tinggi setebal 123 halaman dan dijual dengan harga RM50 senaskhah.

"Keseluruhan hasil jualan buku itu akan disalurkan kepada Tabung Bantuan Bosnia kelolaan Yayasan Kebajikan Negara, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat," ujarnya.

Katanya, setiap versi akan dicetak sebanyak 25,000 naskhah dan kepada yang berminat, mereka boleh membelinya di majlis pelancaran di bangunan Parlimen oleh Perdana Menteri, petang esok.

Menurutnya, kedua-dua versi buku itu telah disu-

sun oleh Ahli Parlimen Parit Sulong, Ruhanie Ahmad yang telah mengambil masa selama dua bulan untuk menyiapkannya.

Mohd. Zahir memberitahu, sebuah persidangan antarabangsa mengenai Bosnia anjuran Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) akan berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 21 dan 22 Januari ini.

"Setakat ini jemputan telah dibuat kepada 54 negara dan lebih 90 wakil dari luar negara telah mengesahkan kehadiran," katanya.